

11/08/2003

Jamuan Piala Perdana 2003 catat rekod

MELAKA: Jamuan perdana sempena meraikan peserta Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003, yang dihadiri kira-kira 12,000 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, kelmarin mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR).

Lebih bermakna, sijil pengiktirafan itu ditandatangani sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku tetamu kehormat majlis itu, sebelum diserahkan kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Terdahulu, sijil itu diserahkan oleh Pengarah Urusan MBR, Datuk Denny Ooi kepada Dr Mahathir untuk ditandatangani.

Pengerusi Jawatankuasa Jamuan Perdana, Datuk Amid Nordin berkata, pengiktirafan itu berdasarkan jumlah meja yang disediakan dalam dewan MITC sempena jamuan itu.

Beliau berkata, sebanyak 900 meja dan 9,000 kerusi disediakan untuk menampung jumlah tetamu pada malam itu yang membolehkan peristiwa itu dicatatkan dalam MBR.

"Kerajaan negeri berpendapat ini adalah jumlah terbesar tetamu yang boleh dimuatkan dalam sesebuah dewan tertutup dan kita berjaya melakukannya," katanya di sini, semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya, Datin Seri Endon Mahmood; menteri dan timbalan menteri, menteri besar dan ketua menteri.

Amid yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri berkata, jamuan itu amat bererti kepada rakyat Melaka kerana ia membabitkan penyertaan dua pemimpin iaitu Dr Mahathir dan Abdullah secara serentak.

"Kedatangan dua pemimpin ini sudah tentu meningkatkan semangat rakyat untuk terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang," katanya.